

UNT RUKUKAN DAN DOKUMENTASI  
DITERIMA  
13 SEP 2016  
U.R.D  
M.B.P.J.

# EKSKLUSIF

[FOTO SURIANIE MOHD HANIE/BH]



Ibu bersama bayi dalam perlindungan OrphanCARE.



**BH PLUS**  
di [www.bharian.com.my](http://www.bharian.com.my)  
untuk lebih gambar dan video

Syarhah menunjukkan cara meletakkan bayi ke dalam peti Baby Hatch di OrphanCARE, Petaling Jaya.

# Program Baby Hatch selamat 231 bayi

➔ OrphanCARE sedia khidmat kaunseling, tawar perlindungan kepada bakal ibu

Oleh Sophia Ahmad  
sophia@bh.com.my

► Petaling Jaya

Program Baby Hatch yang diperkenalkan pada tahun 2009 sehingga Ogos tahun ini, berjaya menyelamatkan 231 bayi daripada dibuang, termasuk dilahirkan warga asing secara luar nikah.

Program kendalian Yayasan OrphanCARE (OrphanCARE) di bawah naungan Sultanah Pahang, Sultanah Kalsom itu, bukan setakat menerima bayi terbuang, malah turut menawarkan perlindungan kepada bakal ibu sehingga selamat bersalin.

Kemudahan yang disediakan di Petaling Jaya; Sungai Petani, Kedah dan Johor Bahru, Johor, itu memberi sinar baharu untuk semua bayi meneruskan hidup bersama keluarga angkat masing-masing.

Pengurus Projek OrphanCARE, Syarahah Mohamed Tahir, berkata 231 kes yang diterima OrphanCARE sejak penubuhannya itu turut membabitkan 27 bayi ditinggalkan dalam peti khas Baby Hatch.

Beliau berkata, lima daripada 27 bayi itu ditinggalkan dalam Baby

Statistik bayi diselamatkan OrphanCARE dari 2009 hingga 2016

Tahun	Ibu datang sendiri (Dijadikan anak angkat)	Ditinggalkan dalam kotak Baby Hatch (Dijadikan anak angkat)	Ditinggalkan dalam kotak Baby Hatch KPJ (Dijadikan anak angkat)	Kes kaunseling (Bayi dijaga ibu kandung)	Jumlah
2009	2	-	-	1	3
2010	17	1	-	1	19
2011	25	1	-	12	38
2012	21	2	-	17	40
2013	14	6	-	22	42
2014	15	2	-	14	31
2015	15	6	3	15	34
2016*	8	6	0	5	19
<b>JUMLAH</b>	<b>117</b>	<b>24</b>	<b>3</b>	<b>87</b>	<b>231</b>

\*Setakat Ogos 2016

Hatch milik hospital Kumpulan Perubatan Johor (KPJ) yang kemudian diserahkan kepada OrphanCARE untuk dijadikan anak angkat.

"Kami di OrphanCARE, sangat menggalakkan mana-mana ibu yang terlanjur agar meninggalkan bayi mereka dalam peti khas Baby Hatch demi keselamatan dan masa depan anak itu.

"Jangan berfikiran singkat dan membuang bayi mereka di mana-mana atau lebih kejam lagi, membunuh anak itu seperti yang banyak kita lihat berlaku selama ini," katanya kepada BH.

Syarahah berkata, meninggalkan bayi dalam peti khas Baby Hatch bukan perbuatan jenayah dan individu yang berbuat demikian tidak akan didakwa.

"Ada dalam kalangan wanita ini takut untuk meninggalkan bayi

mereka dalam Baby Hatch kerana bimbang ditahan pihak berkuasa dan dijatuhkan hukuman. Tanggapan itu tidak benar sama sekali, sebaliknya mereka boleh dikenakan hukuman jika meninggalkan bayi itu terdampar di tempat lain," katanya.

**Ambil pendekatan pragmatik**

Syarahah berkata, OrphanCARE bertanggungjawab menyediakan khidmat kaunseling kepada semua wanita yang tampil ke situ untuk mendapatkan perlindungan, khususnya aspek penyerahan bayi sebagai anak angkat.

"Walaupun kami sedaya upaya mahu ibu terbabit membesarkan sendiri bayi masing-masing, namun OrphanCARE perlu realistik dan mengambil pendekatan pragmatik.

'Ada dalam kalangan wanita itu

tidak mampu membesarkan bayi mereka atas pelbagai faktor, antaranya ketiadaan punca pendapatan tetap atau terlalu muda untuk memikul tanggungjawab sebagai seorang ibu," katanya.

Namun, hasil kaunseling yang diberikan, jelas beliau, 89 responden yang pada awalnya mahu menyerahkan bayi kepada OrphanCARE, mengubah fikiran dan nekad mahu membesarkan anak itu dengan sebaik mungkin.

"Kami seboleh mungkin tidak mahu memisahkan anak itu daripada ibu kandung masing-masing, namun jika keadaan memaksa, proses penyerahan sebagai anak angkat akan dilakukan mengikut prosedur sepatutnya.

"Orang ramai atau pasangan suami isteri yang berhasrat mengambil anak angkat melalui OrphanCARE perlu mendaftar dengan

kami untuk diletakkan dalam senarai menunggu," katanya.

**Perlu patuhi garis panduan**

Garis panduan tertentu jelas beliau, perlu dipatuhi oleh pasangan suami isteri yang berhasrat mengambil bayi berkenaan sebagai anak angkat.

"Antara kriteria kami tekankan ialah pasangan yang sudah memiliki anak lelaki hanya dibenarkan mengambil bayi lelaki juga sebagai anak angkat. Ini adalah langkah pencegahan yang kami laksanakan bagi mengelak sebarang kes sumbang mahram," katanya.

Peraturan itu bagaimanapun jelas Syarahah lagi, tidak terpakai kepada pasangan suami isteri yang memiliki anak perempuan.

"Pasangan dengan anak perempuan boleh memilih jantina bayi yang mereka inginkan sebagai anak angkat," katanya.

Syarahah berkata, setakat ini Yayasan itu sudah menguruskan 144 proses penyerahan anak angkat dengan keutamaan diberikan kepada pasangan suami isteri yang belum mempunyai zuriat.

"Kami ingin tegaskan di sini, bagi ibu yang berhasrat meninggalkan bayi mereka dalam Baby Hatch, perlu meletakkan bersama identiti atau pengenalan agama masing-masing jika mahu anak itu kekal dalam agama yang mereka (ibu) anuti.

"Jika mereka tidak mahu berbuat demikian, bayi yang ditinggalkan akan dibesarkan sebagai seorang Islam seperti yang difatwakan Majlis Fatwa Kebangsaan," katanya.